

Insurance

## I Credit Cards I

Credit for all that really matters



## Your Coverage

Perlindungan Anda

Customer Service / Perkhidmatan Pelanggan  
**03-7718 9999**

[www.standardchartered.com.my](http://www.standardchartered.com.my)



Standard  
Chartered 



It's comforting to know that your Standard Chartered Credit Card is there for you in emergencies, even when you're miles away from home. We have a range of travel-related insurance packages such as Travel Accident, Purchase Protection, Credit Protection and ProtectPlus arranged specially with you in mind.

## FREE TRAVEL ACCIDENT INSURANCE

Benefit	Card Type	Principal only	Principal & Immediate Family
Accidental Death and Permanent Total Disablement	Classic	Up to RM350,000	Up to RM350,000
	Gold	Up to RM700,000	Up to RM700,000
	Platinum	Up to RM2,000,000	Up to RM2,000,000
Missed Connections	Classic	Up to RM300	Up to RM600
	Gold	Up to RM600	Up to RM1,200
	Platinum	Up to RM1,250	Up to RM2,500
Delayed Luggage	Classic	Up to RM300	Up to RM600
	Gold	Up to RM600	Up to RM1,200
	Platinum	Up to RM1,250	Up to RM2,500
Loss of Luggage	Classic	Up to RM750	Up to RM1,500
	Gold	Up to RM1,500	Up to RM3,000
	Platinum	Up to RM4,000	Up to RM8,000

### Accidental Death And Permanent Total Disablement

You and your family are automatically covered up to the limits specified as a result of an accident which occurs whilst riding solely as a passenger in or boarding or alighting an aircraft including the direct trip to and from the airport.

### Missed Connections

If you miss your confirmed, onward connecting scheduled flight at the transfer point due to the late arrival of your incoming confirmed scheduled flight or if your confirmed onward connecting scheduled flight is delayed for 4 hours or more and no alternative onward transportation is made available, you and your whole family will be reimbursed in respect of your Card charges incurred for meals, refreshments or hotel accommodation.

### Delayed Luggage

If you accompanied checked-in luggage is not delivered within 6 hours of your arrival at the abroad scheduled destination point, you and your whole family will be reimbursed in respect of your Card charges incurred for the emergency purchases of essential clothing and requisites.

### Loss Of Luggage

If you accompanied checked-in luggage is not delivered within 48 hours of your arrival at the abroad scheduled destination, you and your whole family will be reimbursed in respect of your Card charges incurred within 96 hours of your arrival at the abroad scheduled destination point, for the purchase of essential clothing and requisites.

## EXCLUSIVE ADDITIONAL TRAVEL COVERAGE FOR PLATINUM CREDIT CARDMEMBERS

Benefits	Principal only	Principal & Immediate Family
Delayed Flight	Up to RM1,250	Up to RM2,500
Hospital Income	Up to RM5,000	
Personal Money	Up to RM5,000	
Travel Documents	Up to RM5,000	
Cancellation	Up to RM15,000	
Curtailment	Up to RM15,000	

### Delayed Flight

If your confirmed outbound scheduled flight is delayed or cancelled and no alternative onward transportation is made available within 4 hours of the actual departure time of this outbound scheduled flight, you and your whole family will be reimbursed in respect of your Card charges incurred for the hotel accommodation and restaurant meals and refreshments.

### Hospital Income

If you are admitted to a registered hospital outside of your home country due to accidental bodily injury or illness sustained during the journey, you will be paid RM250 a day for up to 20 days.

### Personal Money

If you lose your cash and traveller's cheques due to theft during the journey outside your home country, you will be reimbursed. For any loss greater than RM1,000, an excess of 10% of loss is applicable.

### Travel Documents

In the event of theft of your passport and / or travel tickets outside your home country, you will be reimbursed the necessary additional accommodation and travelling expenses incurred in obtaining the new permit to continue your journey.

### Cancellation

If your planned trip is cancelled due to illness, bodily injury, death or fortuitous (unforeseen) cause beyond your control to you and / or immediate family, you will be reimbursed the necessary pre-paid (non-refundable) expenses in your home country.

### Curtailment

If you need to curtail the trip due to bodily injury, illness or death of your immediate family, you will be paid the non-refundable part of your trip in proportion to the unused days paid in your home country.

## TERMS AND CONDITIONS FOR FREE TRAVEL ACCIDENT INSURANCE

When you charge the full fare of your overseas trip to your card, you are automatically insured.

### 1. COVERED PERSONS

- (a) Cardmember
- (b) Spouse, dependent children under age 23 of any eligible Cardmember

### 2. DEFINITIONS

- (a) Cardmember shall mean the holder of a valid unexpired card (principal or supplementary card) issued by SCBMB in Malaysia and who at the time of a covered claim or loss is still a bona fide Cardmember.
- (b) Usual Place of Residence shall mean such address in which the Cardmember is residing.

### 3. CARDMEMBER'S CARD IS BILLED FROM MALAYSIA

You and family are automatically insured up to the stated benefit amount as a result of an accident which occurs while riding solely as a passenger in or boarding or alighting from an Air Common Carrier Conveyance for a Covered Trip, or being struck by such a Common Carrier Conveyance. This benefit also applies while riding as a passenger in a land Common Carrier Conveyance or a scheduled helicopter operating as a "Common Carrier Conveyance", but only when going directly to the airport for the purpose of boarding an aircraft for a Covered Trip or when leaving directly from the airport after alighting from an aircraft from a Covered Trip.

Benefit	Platinum (RM)	Gold (RM)	Classic (RM)
Death	2,000,000	700,000	350,000
Permanent Total Disablement	2,000,000	700,000	350,000
Loss of both hands or both limbs	2,000,000	700,000	350,000
Loss of one hand and one foot	2,000,000	700,000	350,000
Total loss of sight of both eyes	2,000,000	700,000	350,000
Loss of one eye and one hand or one foot	2,000,000	700,000	350,000
Loss of one hand or one foot	1,000,000	350,000	175,000
Total loss of sight of one eye	1,000,000	350,000	175,000

Age Limit	% Benefit
19 – 64	100
65 – 70	50
71 – 72	25
Dependent child (<23)	10

## EXCLUSIONS FOR TRAVEL ACCIDENT INSURANCE

1. Cardmembers above the age of 72 years.
2. Intentional self-injury or suicide, provoked assault, intoxication, drugs.
3. Any pre-existing physical defect or infirmity fits of any kind, disease or sickness of any kind.
4. Pregnancy or childbirth.
5. Flying other than air travel as a fare-paying passenger in a licensed passenger aircraft.
6. While serving as an operator or crew member of any conveyance.
7. Professional sports, hunting, winter sports, racing of any kind (other than on foot), parachuting, polo, mountaineering, water-skiing, motorcycling (whether driver or passenger).
8. Illegal acts.

## CLAIMS

**You can obtain a copy of the Claim Form for Travel Accident from MSIG by calling 03-2698 2888. All purchases must be charged to your Standard Chartered Credit Card to be eligible for claims.**

1. Written notice of claim must be given to MSIG as soon as possible but not later than 21 days after the event giving rise to a claim.
2. All information and evidence required by the Company or its agents shall be furnished at the expense of the Insured Person or his / her personal representative and shall be in such form and of such nature the Company may prescribe.
3. Payment of claim shall be made by the Insurer only after adequate proof of loss to substantiate the claim has been received and when the amount of benefit has been ascertained and agreed.
4. Payment of any claim covered under this Policy shall be made in Ringgit Malaysia.

For the avoidance of doubt, Standard Chartered Bank Malaysia Berhad shall not be held liable and / or responsible for any non-payment and / or rejection of the Cardmember's claim by MSIG due to any reason whatsoever.

## FREQUENTLY ASKED QUESTIONS

### 1. Do I have to pay for the insurance coverage?

No, this coverage is provided free of charge to all Standard Chartered Credit Cardmembers.

### 2. How do I obtain cover for myself and / or family?

In order to be covered by this insurance, all you have to do is charge the entire fare for you, your spouse and / or dependent children under 23 years of age to your Standard Chartered Credit Card.

### 3. If my spouse and / or children do not travel with me, can they get insurance cover as well?

Yes, as long as their tickets are paid for by your Standard Chartered Credit Card.

### 4. If I go on a package tour, will I be covered?

Yes, provided you charge the entire cost of your tour to your Standard Chartered Credit Card and the tour price includes the cost of all public conveyances used in the tour.

**5. Must I inform the Card Centre of the details of my travel documents in order to obtain the cover?**

No.

**6. Will this insurance coverage apply even if I hold other insurance policies?**

Yes, for compensation benefits. But not for reimbursement benefits if you have claimed from other insurance policies.

**7. Are Supplementary Cardmembers similarly covered under this insurance scheme?**

Yes, as long as tickets purchased are charged to your Standard Chartered Credit Card. For Accidental Death or Permanent Total Disablement benefit, each Standard Chartered Credit Cardmember will be entitled to the Capital Sum Insured as indicated in the Standard Chartered Visa and / or MasterCard Cardholder Agreement.

## FREE PURCHASE PROTECTION INSURANCE

Shop with peace of mind, as purchases charged fully to your Standard Chartered Credit Card are automatically insured from damages or theft within 30 days from the date of purchase.

Card Type	Coverage
Classic	Up to RM5,000 for any one article Up to RM15,000 for any one event
Gold	Up to RM18,000 for any one article Up to RM36,000 for any one event
Platinum	Up to RM30,000 for any one article Up to RM75,000 for any one event

## TERMS AND CONDITIONS FOR FREE PURCHASE PROTECTION INSURANCE

### 1. INSURED PERSON

The insured Person shall mean the Cardmember defined herein.

### 2. DEFINITIONS

- Cardmember shall mean the holder of a valid unexpired card (principal or supplementary card) issued by SCBMB in Malaysia and who at the time of a covered claim or loss is still a bona fide Cardmember.
- Usual Place of Residence shall mean such address in which the Cardmember is residing.
- Property Insured shall mean any personal, movable and physical other than living organisms, food, consumables, perishables, money as defined herein, motor vehicles, mechanically propelled vehicle and marine craft and property for the purpose of business or commercial use.

## EXCEPTIONS FOR PURCHASE PROTECTION INSURANCE

The Insurer shall not be liable to cover any loss, or damage directly or indirectly caused by or occasioned by or through or in consequence of:

- any event, the first RM200.00 for each and any article;
  - the cost of:
    - adjustments or rectification of operational malfunctions
    - replacement of spent, lost or damage expendable or replaceable parts including bulbs, valves, tubes, fuses, batteries, belts, chains, tapes, ribbons, cards; unless necessitated by loss or damage covered by this Policy;
  - loss or damage arising from:
    - the application of electrical energy; mechanical defects or mechanical derangement or mechanical breakdown
    - wear and tear, depreciation, gradual deterioration, rust, corrosion, oxidation, mildew, moth, vermin; or in connection with any process of cleaning, dyeing, repairing, restoring or renovating; the action of light or atmospheric or climatic conditions, or extremes of temperature
    - theft or any attempt thereat by the Insured or his or her spouse
    - the wilful act or willful negligence of the Insured or any employee of the Insured
  - loss or damage to:
    - property whilst in transit as unaccompanied baggage shipped under a bill of lading parcel receipt waybill or similar document
    - property used for professional or trade purposes, big game fishing or expeditions of discovery or research
  - consequential loss damage or liability of any kind or description
  - loss damage or destruction directly or indirectly proximately or remotely occasioned by contributed to by or traceable to or arising out of or in connection with:
    - war, invasion, act of foreign enemy, hostilities or warlike operations (whether war be declared or not), civil war, strike, riot commotion, mutiny, rebellion, revolution, insurrection, military or usurped power;
    - requisition or seizure or destruction of or damage to property by or under the order of any Government or Public or Local Authority or confiscation or nationalisation;
- and in the event of any claim hereunder the Insured shall prove that the loss arose independently of and was not connected with or occasioned by or contributed to by or traceable to any of the said occurrences or any consequence thereof and in default of such proof the Insurer shall not be liable to make any payment in respect of such loss.

- (g) Loss or damage directly or indirectly caused by or contributed to by or arising from:
  - ionising radiations or contamination by radioactivity from any nuclear fuel or from any nuclear waste from the combustion of nuclear fuel. For the purpose of this exception combustion shall include any self-sustaining process of nuclear fission
  - nuclear weapons material
- (h) Loss or damage arising through theft from any unattended vehicle unless all windows are securely closed and all the doors and the boot are locked.
- (i) Loss or damage covered by a Guarantee given in respect of property and goods purchased.
- (j) Loss or damage insured under a more specific policy.

## EXCLUDED PROPERTY

This Policy does not cover any loss or damage to:

- (a) The Property Insured left in any unattended vehicle unless all windows are securely closed and all doors, boot and openings are securely locked.
- (b) Any item of property left unattended in a place accessible to the public and not subsequently recovered.
- (c) Property under guarantee or warranty.
- (d) Jewellery and watches in baggage unless carried by hand and under the personal supervision of the Cardmember.
- (e) Contact lenses and spectacles; including sunglasses.
- (f) Dentures and other medical aids including but not limited to hearing aids, artificial limbs, crutches, wheelchairs, walkers and braces.
- (g) Consumables and perishable goods.
- (h) Motor vehicles, motor-cycles or their motors, equipment and accessories (including communication devices intended solely for the use in the vehicle), bicycles, marine crafts, aircraft, model airplanes and boats.
- (i) Business property or property purchased to be used for a business purpose.
- (j) Handphone, laptop and camera unless due to armed robbery, snatch theft or building break-in.
- (k) Cash, bank or currency notes, cheques, travellers' cheques, money orders, postal orders, postage stamps, securities, negotiable instruments of any kind, bullion, rare and precious coins, documents or tickets of any kind, unset gemstones.
- (l) Livestock, pets, animals, plants or other living creatures.
- (m) Property which is contraband or which would have been confiscated or prohibited for entry into the country by the Authorities concerned.
- (n) Property sold or given to others.
- (o) Loss of use or any consequential loss.
- (p) Scratching or denting of any kind.

## CLAIMS

**You can obtain a copy of the Claim Form for Purchase Protection from MSIG by calling 03-2698 2888. All purchases must be charged to your Standard Chartered Credit Card to be eligible for claims.**

1. Upon the happening of any loss or damage giving rise or likely to give rise to a claim under this Policy, the Insured shall immediately upon becoming aware of such loss or damage give immediate notice to the following parties:
  - (a) Police and take all practical steps to discover and to trace and recover the lost or damaged Property Insured if the loss or damage arises from theft or any attempt thereat.
  - (b) MSIG within 14 days and thereafter deliver to MSIG a claim in writing and supply all such details, particulars and proofs as may be reasonably required by MSIG.
  - (c) Provided always all information and evidence required by the Company or its agents shall be furnished at the expense of the Insured Person or his / her personal representative.
2. Payment of claim shall be made by the Insurer only after adequate proof of loss to substantiate the claim has been received and when the amount of benefit has been ascertained and agreed.
3. Payment of any claim covered under this Policy shall be made in Ringgit Malaysia.

For the avoidance of doubt, Standard Chartered Bank Malaysia Berhad shall not be held liable and / or responsible for any non-payment and / or rejection of the Cardmember's claim by MSIG due to any reason whatsoever. Standard Chartered Bank Malaysia Berhad shall not be liable to compensate the Cardmember for any reason whatsoever.

## ADDITIONAL INSURANCE COVER YOU MAY WISH TO CONSIDER

- CREDIT PROTECTION PLAN
- PROTECTPLUS PLAN

For a more comprehensive insurance coverage, you may want to consider taking up our Credit Protection Plan and / or ProtectPlus Insurance for total peace of mind.

### DESCRIPTION OF COVERAGE FOR CREDIT PROTECTION PLAN

It is important to plan ahead. Apply for our Credit Protection Plan that settles your credit card bills in the event you are unable to do so due to unforeseen circumstances. For as little as RM0.31 per RM100, you will enjoy coverage of up to RM50,000.

#### SCOPE OF COVERAGE

- Accidental Death Benefit (up to 60 years old)**  
Payable upon death within 180 days of bodily injury. Benefit payable is the total monthly amount outstanding on the Card Account including charges and interest due and payable as at the date of occurrence; up to the Capital Sum Insured.
- Temporary Total Disablement Benefit (up to 60 years old)**  
For each month of disablement, excluding the first 30 days, 15% of the amount outstanding on the Account including charges and interest due and payable as at the date of occurrence is payable; limited to a maximum period of 6 months or the Capital Sum Insured whichever comes first.
- Permanent Total Disablement Benefit (up to 60 years old)**  
Pays the remaining balance of the amount outstanding on the Card Account including charges and interest due and payable as at the date of occurrence; after 6 months of Temporary Total Disablement Benefit payment and upon determination of the condition of Permanent Total Disablement, up to the Capital Sum Insured.
- Involuntary Unemployment Benefit (up to 55 years old)**  
For each month of Involuntary Unemployment, excluding the first 30 days, 15% of the amount outstanding on the Card Account including charges and interest due and payable as at the date of occurrence is payable; limited to a maximum period of 6 months or the Capital Sum Insured whichever comes first.

#### Example

Outstanding Balance for the month	- RM5,000
Premium for the month	- RM5,000 x 0.31/100
	<b>= RM15.50</b>

In the event of Accidental Death, RM5,000 is paid by MSIG to the Bank.

### DESCRIPTION OF COVERAGE FOR PROTECTPLUS INSURANCE

You deserve more than just basic coverage. Apply for ProtectPlus and get more coverage for yourself from just RM1.54 a day.

#### 24 hours Worldwide 100% Protection

For as little as RM1.54 a day, you will enjoy personal protection up to RM350,000 for Accidental Death and Permanent Disablement plus coverage up to RM50,000 on your credit card's outstanding balances.

Package	Accidental Death	Permanent Disablement	Card Protection	Monthly Premium	
				1. Policyholder	2. Spouse of Policyholder
SY1 / SS1	RM100,000	RM100,000	RM50,000	RM15.00	RM13.50
SY2 / SS2	RM150,000	RM150,000	RM50,000	RM22.50	RM20.25
SY3 / SS3	RM200,000	RM200,000	RM50,000	RM32.00	RM28.80
SY4 / SS4	RM250,000	RM250,000	RM50,000	RM39.00	RM35.10
SY5 / SS5	RM300,000	RM300,000	RM50,000	RM41.00	RM36.90
SY6 / SS6	RM350,000	RM350,000	RM50,000	RM47.00	RM42.30

#### Special Premium PayBack

When there is no claim made during the full one year period of insurance, you are guaranteed to receive for each year, a refund of 25% of the paid annual premium you have paid to MSIG after the 2nd year policy anniversary. Basically, it means for the 3rd year you are paying only 50% of the annual premium.

#### 10% discount when you enroll with your spouse

You will enjoy a 10% discount on premiums for your spouse's policy when enrolling together.



# MSIG

Mitsui Sumitomo Insurance (Malaysia) Bhd (46983-W)  
(A merger of Aviva Insurance Berhad and Mitsui Sumitomo Insurance (Malaysia) Bhd)  
17th Floor, Faber Imperial Court (Sheraton Imperial Hotel)  
21A Jalan Sultan Ismail  
50250 Kuala Lumpur

For assistance, please call 03-2698 0888, 03-2698 2888  
Monday - Thursday (8:30am - 5:30pm)  
Friday (8:30am - 4:30pm)  
Email: myMSIG@my.msig-asia.com  
Website: www.msig.com.my

Note: This Certificate of Insurance is issued for the Cardmember's information and is not a contract of insurance. It is subject to terms and conditions of the Master Policy, a copy of which can be requested from MSIG. Any endorsement changes and amendments to the respective Master Policy as agreed between the Insurer and SCBMB shall be binding without prior notice to the Insured Person.

Anda pasti terjamin bahawa Kad Kredit Standard Chartered sentiasa menemani anda ketika kecemasan walaupun jauh di perjalanan. Kami menyediakan rangkaian pakej insurans berkaitan perjalanan seperti Kemalangan Perjalanan, Perlindungan Pembelian, Perlindungan Kredit dan ProtectPlus yang direka khusus untuk menepati keperluan anda.

## INSURANS KEMALANGAN PERJALANAN PERCUMA

Manfaat	Jenis Kad	Ahli Utama Sahaja (RM)	Ahli Utama & Keluarga Terdekat (RM)
Kematian kemalangan dan Hilang Upaya Menyeluruh Kekal	Klasik	Sehingga 350,000	Sehingga 350,000
	Emas	Sehingga 700,000	Sehingga 700,000
	Platinum	Sehingga 2,000,000	Sehingga 2,000,000
Terlepas Pesawat Sambungan	Klasik	Sehingga 300	Sehingga 600
	Emas	Sehingga 600	Sehingga 1,200
	Platinum	Sehingga 1,250	Sehingga 2,500
Kelewatan Bagasi	Klasik	Sehingga 300	Sehingga 600
	Emas	Sehingga 600	Sehingga 1,200
	Platinum	Sehingga 1,250	Sehingga 2,500
Bagasi Hilang	Klasik	Sehingga 750	Sehingga 1,500
	Emas	Sehingga 1,500	Sehingga 3,000
	Platinum	Sehingga 4,000	Sehingga 8,000

### Kematian Kemalangan Dan Hilang Upaya Menyeluruh Kekal

Anda dan keluarga anda akan dilindungi secara automatik sehingga ke had yang ditetapkan sekiranya berlaku kemalangan semasa dalam perjalanan sebagai penumpang atau menaiki atau meninggalkan pesawat termasuk perjalanan terus ke dan dari lapangan terbang.

### Terlepas Pesawat Sambungan

Sekiranya anda terlepas penerbangan sambungan anda yang telah disahkan di lokasi pertukaran akibat kelewatan penerbangan masuk anda yang telah disahkan atau sekiranya penerbangan sambungan anda seterusnya yang telah disahkan terlewat sehingga 4 jam atau lebih dan tiada pengangkutan alternatif seterusnya telah disediakan, anda dan sekeluarga anda akan diberi ganti rugi mengikut caj pada Kad anda untuk makanan, minuman atau penginapan hotel.

### Kelewatan Bagasi

Sekiranya bagasi yang telah didaftar masuk bersama tidak dihantar kepada anda dalam tempoh 6 jam, sejak ketibaan anda di destinasi yang dijadualkan, anda dan sekeluarga anda akan dibayar ganti rugi mengikut caj pada Kad anda untuk sebarang pembelian kecemasan seperti pakaian serta keperluan penting.

### Bagasi Hilang

Sekiranya bagasi yang telah didaftar masuk bersama tidak dihantar kepada anda dalam tempoh 48 jam, sejak ketibaan anda di destinasi luar negara yang dijadualkan, anda dan sekeluarga anda akan dibayar ganti rugi bagi caj pada Kad anda dalam tempoh 96 jam selepas ketibaan anda di destinasi luar negara yang dijadualkan untuk sebarang pembelian pakaian dan keperluan lain.

## PERLINDUNGAN PERJALANAN TAMBAHAN EKSKLUSIF UNTUK AHLI KAD KREDIT PLATINUM

Manfaat	Ahli Utama Sahaja (RM)	Ahli Utama & Keluarga Terdekat
Kelewatan Penerbangan	Sehingga 1,250	Sehingga 2,500
Pendapatan Hospital	Sehingga 5,000	
Wang Peribadi	Sehingga 5,000	
Dokumen Perjalanan	Sehingga 5,000	
Pembatalan	Sehingga 15,000	
Pengurangan	Sehingga 15,000	

### Kelewatan Penerbangan

Sekiranya penerbangan keluar anda yang dijadualkan dan telah disahkan terlewat atau dibatalkan dan tiada penerbangan alternatif dapat disediakan dalam tempoh 4 jam dari tempoh sepatutnya penerbangan keluar yang telah dijadualkan, anda dan sekeluarga anda akan dibayar ganti rugi bagi caj pada Kad anda untuk penginapan hotel dan makanan serta minuman di restoran.

### Pendapatan Hospital

Sekiranya anda dimasukkan ke hospital yang berdaftar di luar negara kerana mengalami kecederaan diri akibat kemalangan atau kerana penyakit yang dialami semasa dalam perjalanan, anda akan dibayar RM250 sehari sehingga selama 20 hari.

### Wang Peribadi

Sekiranya anda kehilangan wang tunai atau cek kembara akibat kecurian semasa dalam perjalanan di luar negara, anda akan dibayar ganti rugi. Untuk sebarang kehilangan melebihi RM1,000, lebihan ganti rugi sebanyak 10% daripada kerugian boleh dikenakan.

### Dokumen Perjalanan

Sekiranya berlaku kecurian pasport dan / atau tiket perjalanan anda di luar negara, anda akan dibayar ganti rugi ke atas keperluan tambahan untuk penginapan dan perbelanjaan perjalanan yang berbangkit bagi mendapatkan permit baru untuk meneruskan perjalanan anda.

### Pembatalan

Sekiranya perjalanan yang telah dirancang terpaksa dibatalkan akibat penyakit, kecederaan diri, kematian atau sebab-sebab yang kebetulan yang berada di luar kawalan anda dan / atau keluarga terdekat anda, anda akan dibayar ganti rugi bayaran yang perlu dibuat (yang tidak boleh dipulangkan) di negara anda.

### Pengurangan

Sekiranya anda perlu mengurangkan tempoh perjalanan tersebut akibat kecederaan diri, penyakit atau kematian dalam keluarga terdekat anda, anda akan dibayar ganti rugi untuk bahagian yang tidak boleh dipulangkan dalam perjalanan anda mengikut hari yang tidak digunakan tetapi telah dibayar di negara anda.

## SYARAT-SYARAT DAN PERATURAN UNTUK INSURANS KEMALANGAN KEMBARA

Apabila anda membayar tambang penuh perjalanan anda ke luar negara dengan menggunakan kad, secara automatik anda akan dilindungi.

### 1. ORANG YANG DIINSURANSKAN

- Ahli Kad
- Pasangannya, anak-anak di bawah usia 23 tahun yang ditanggung oleh Ahli Kad yang layak

### 2. DEFINISI

- Ahli Kad bermakna pemilik kad yang sah dan belum tamat tempoh (kad utama atau tambahan) yang dikeluarkan oleh SCBMB di Malaysia, dan pada masa tuntutan atau kerugian yang diinsuranskan dibuat, masih merupakan Ahli Kad yang sah.
- Tempat Tinggal Biasa bermakna alamat di mana Ahli Kad menetap.

### 3. KAD AHLI KAD DIBILKAN DARI MALAYSIA

Anda sekeluarga dengan secara automatik akan dilindungi dengan sejumlah manfaat yang telah ditetapkan, daripada kemalangan yang berlaku semasa menjadi penumpang atau semasa menuruni atau menaiki Kenderaan Pengangkutan Awam untuk Perjalanan yang Diinsuranskan atau sekiranya dilanggar oleh Kenderaan Pengangkutan Awam yang seumpamanya. Manfaat ini juga merangkumi penumpang dalam Kenderaan Pengangkutan Awam di darat atau helikopter yang dijudualkan beroperasi sebagai "Kenderaan Pengangkutan Awam" tetapi hanya apabila dalam penerbangan terus ke lapangan terbang bagi tujuan menaiki pesawat dalam Perjalanan yang Diinsuranskan atau apabila meninggalkan lapangan terbang selepas turun dari pesawat dalam Perjalanan yang Diinsuranskan.

MANFAAT	Platinum (RM)	Emas (RM)	Klasik (RM)
Kematian	2,000,000	700,000	350,000
Hilang Upaya Menyeluruh Kekal	2,000,000	700,000	350,000
Hilang kedua-dua belah tangan atau kedua-dua anggota tangan	2,000,000	700,000	350,000
Hilang sebelah tangan dan sebelah kaki	2,000,000	700,000	350,000
Hilang penglihatan menyeluruh kedua-dua belah mata	2,000,000	700,000	350,000
Hilang penglihatan sebelah mata dan sebelah tangan atau sebelah kaki	2,000,000	700,000	350,000
Hilang sebelah tangan atau sebelah kaki	1,000,000	350,000	175,000
Hilang penglihatan menyeluruh sebelah mata	1,000,000	350,000	175,000

HAD UMUR	% MANFAAT
19 – 64	100
65 – 70	50
71 – 72	25
Kanak-kanak di bawah tanggungan (<23)	10

### PENGECUALIAN UNTUK INSURANS KEMALANGAN KEMBARA

- Ahli Kad melebihi usia 72 tahun.
- Kecederaan diri yang disengajakan atau bunuh diri, serangan yang diapi-apikan, mabuk, dadah.
- Sebarang jenis kecacatan fizikal, kerengsaan atau sawan, sebarang jenis penyakit atau sakit yang sedia ada.
- Mengandung atau bersalin.
- Mengikuti penerbangan selain daripada dalam perjalanan udara sebagai penumpang berbayar dalam pesawat penumpang yang berlesen.
- Semasa bertugas sebagai operator atau kakitangan mana-mana jenis pengangkutan.
- Sukan profesional, memburu, sukan musim sejuk, sebarang jenis perlumbaan (selain menggunakan kaki), payung terjun, polo, mendaki gunung, ski air, menunggang motosikal (sama ada penunggang atau penumpang).
- Tindakan haram.

### TUNTUTAN

Anda boleh mendapatkan salinan Borang Tuntutan untuk Insurans Kemalangan daripada MSIG dengan menghubungi talian 03-2698 2888. Semua pembelian hendaklah dicajkan kepada Kad Kredit Standard Chartered anda bagi melayakkan anda untuk membuat tuntutan.

- Notis bertulis berkenaan tuntutan hendaklah diserahkan kepada MSIG secepat mungkin tetapi tidak melebihi 21 hari selepas kejadian yang membolehkan tuntutan dibuat.
- Semua maklumat dan bukti yang diperlukan oleh Syarikat atau agennya hendaklah disediakan dengan ditanggung oleh Orang yang Dinsuranskan atau wakil peribadinya dan hendaklah dalam bentuk dan sifat yang telah ditetapkan oleh Syarikat.
- Bayaran tuntutan akan dibuat oleh Syarikat Insurans hanya selepas bukti yang mencukupi mengenai kerugian tersebut bagi menyokong tuntutan telah diterima dan apabila jumlah manfaat telah dipastikan dan dipersetujui.
- Bayaran sebarang tuntutan yang terkandung di bawah Polisi ini hendaklah dibuat dalam Ringgit Malaysia.

Untuk mengelakkan keraguan, Standard Chartered Bank Malaysia Berhad tidak akan bertanggungjawab dan / atau boleh dipertanggungjawabkan untuk sebarang kegagalan pembayaran dan / atau penolakan tuntutan Ahli Kad oleh MSIG disebabkan oleh apa jua sebab sekalipun. Standard Chartered Bank Malaysia Berhad tidak bertanggungjawab untuk membayar ganti rugi kepada Ahli Kad untuk apa jua sebab sekalipun.

## SOALAN-SOALAN YANG SERING DITANYA

- 1. Perlukah saya membayar perlindungan insurans ini?**  
Tidak, perlindungan ini disediakan secara percuma kepada semua Ahli Kad Kredit Standard Chartered.
- 2. Bagaimana saya boleh mendapatkan perlindungan untuk saya dan / atau keluarga?**  
Untuk dilindungi di bawah insurans ini, apa yang perlu anda buat hanyalah membayar semua tambang untuk anda, pasangan anda dan / atau anak-anak di bawah tanggungan anda yang berusia di bawah 23 tahun, dengan menggunakan Kad Kredit Standard Chartered anda.
- 3. Jika pasangan dan / atau anak-anak tidak bersama saya dalam perjalanan, bolehkah mereka mendapat perlindungan yang sama?**  
Ya, selagi tiket mereka dibayar dengan menggunakan Kad Kredit Standard Chartered anda.
- 4. Jika saya menggunakan pakej pelancongan, adakah saya masih dilindungi?**  
Ya, selagi anda membayar keseluruhan kos pelancongan anda dengan menggunakan Kad Kredit Standard Chartered anda dan harga pakej tersebut merangkumi semua kos pengangkutan awam yang digunakan dalam pakej itu.
- 5. Perlukah saya memberitahu Pusat Kad mengenai butiran dokumen perjalanan saya untuk mendapatkan perlindungan ini?**  
Tidak.
- 6. Adakah perlindungan ini boleh dimanfaatkan walaupun saya memiliki polisi insurans yang lain?**  
Ya, untuk manfaat ganti rugi, bukan untuk manfaat pembayaran balik jika anda telah membuat tuntutan daripada polisi insurans yang lain.
- 7. Adakah Ahli Kad Tambahan mendapat perlindungan yang sama di bawah skim insurans ini?**  
Ya, selagi tiket yang dibeli dicajkan kepada Kad Kredit Standard Chartered anda. Bagi Kematian akibat Kemalangan atau manfaat Hilang Upaya Menyeluruh Kekal, setiap Ahli Kad Kredit Standard Chartered layak menerima Jumlah Modal yang Diinsuranskan oleh Ahli Kad Standard Chartered yang terdapat dalam Akaun.

## INSURANS PERLINDUNGAN PEMBELIAN PERCUMA

Berbelanjalah dengan hati yang lega kerana setiap pembelian yang dicaj kepada Kad Kredit Standard Chartered anda akan secara automatik dilindungi daripada sebarang kerosakan atau kecurian selama 30 hari dari tarikh pembelian.

Jenis Kad	Perlindungan
Klasik	Sehingga RM5,000 untuk sebarang satu artikel Sehingga RM15,000 untuk sebarang satu kejadian
Emas	Sehingga RM18,000 untuk sebarang satu artikel Sehingga RM36,000 untuk sebarang satu kejadian
Platinum	Sehingga RM30,000 untuk sebarang satu artikel Sehingga RM75,000 untuk sebarang satu kejadian

## SYARAT-SYARAT DAN PERATURAN UNTUK INSURANS PERLINDUNGAN PEMBELIAN PERCUMA

- 1. ORANG YANG DIINSURANSKAN**  
Orang yang Diinsuranskan bermakna Ahli Kad yang telah didefinisikan di dalam ini.
- 2. DEFINISI**
  - (a) Ahli Kad bermakna pemilik kad yang sah dan belum tamat tempoh (kad utama atau tambahan) yang dikeluarkan oleh SCBMB di Malaysia, dan pada masa tuntutan atau kerugian yang diinsuranskan dibuat, masih merupakan Ahli Kad yang sah.
  - (b) Tempat Tinggal Biasa bermakna alamat di mana Ahli Kad menetap.
  - (c) Harta yang Diinsuranskan bermakna sebarang harta peribadi, boleh alih dan fizikal selain organisma hidup, bahan-bahan boleh dimakan, mudah rosak, Wang seperti yang didefinisikan di dalam ini, kenderaan bermotor, kenderaan yang dijalankan secara mekanikal dan jentera marin serta harta untuk tujuan perniagaan atau kegunaan perdagangan.

## PENGECUALIAN DALAM INSURANS PERLINDUNGAN PEMBELIAN

Syarikat Insurans tidak bertanggungjawab untuk menanggung sebarang kerugian, atau kerosakan sama ada secara langsung atau tidak langsung akibat daripada atau yang disebabkan oleh atau melalui atau hasil daripada:

- (a) Sebarang kejadian, RM200.00 yang pertama untuk setiap dan mana-mana satu barang;
- (b) Kos:
  - Pelarasan atau pembaikan operasi yang tidak berfungsi.
  - Penukaran bahagian yang haus, hilang atau rosak yang boleh ditukar atau diganti termasuk mentol, injap, tiub, fius, bateri, tali sawat, rantai, pita, reben, kad; kecuali disebabkan oleh kerugian atau kerosakan yang dilindungi dalam Polisi.
- (c) Kerugian atau kerosakan akibat daripada:
  - Aplikasi tenaga elektrik; kerosakan mekanikal atau kekalutan mekanikal atau kegagalan mekanikal.
  - Haus dan lusuh, susut nilai, kemerosotan secara beransur-ansur, karat, pengoksidaan, kulapuk, usang, binatang perosak; atau berkaitan dengan sebarang proses pembersihan, pencelupan, pembaikan, pemulihan atau pengubahsuaian; tindakan cahaya atau keadaan atmosfera atau iklim atau suhu yang melampau.
  - Kecurian atau sebarang percubaan ketika itu oleh Orang yang Diinsuranskan atau pasangannya.
  - Tindakan sengaja atau kecuaiian sengaja oleh Orang yang Diinsuranskan atau mana-mana kakitangan Orang yang Diinsuranskan.
- (d) Kerugian atau kerosakan terhadap:
  - Harta semasa transit apabila bagasi yang tidak diiringi dihantar melalui bil muatan, resit bungkusan, waybill atau dokumen yang seumpamanya.
  - Harta yang digunakan untuk tujuan profesional atau untuk perniagaan, acara memancing atau ekspedisi penerokaan atau penyelidikan.
- (e) Sebarang jenis atau bentuk kerugian, kerosakan atau liabiliti yang penting.

(f) Kerugian, kerosakan atau kemusnahan sama ada secara langsung atau tidak langsung, secara dekat atau jauh, yang disebabkan oleh, disumbangkan oleh, atau boleh dikesan daripada atau timbul akibat daripada atau berhubung dengan:

- Peperangan, penaklukan, tindakan musuh luar, keganasan atau operasi bercorak peperangan (sama ada peperangan itu diisytiharkan atau tidak), perang saudara, mogok, rusuhan, kekecohan, dahagi, pemberontakan, revolusi, penggulingan pemerintahan, ketenteraan atau rampasan kuasa.
- Pengambilan atau rampasan atau kemusnahan atau kerosakan pada harta oleh atau atas arahan sebarang Kerajaan atau Pihak Berkuasa Awam atau Tempatan atau rampasan atau pemilikan negara.

Dan sekiranya terdapat sebarang tuntutan di bawah ini, Orang yang Diinsurankan hendaklah membuktikan bahawa kerugian ini timbul berasingan daripada dan tiada kaitan dengan atau disebabkan oleh atau disumbangkan oleh atau boleh dikesan daripada mana-mana satu kejadian tersebut atau sebarang akibat selepas daripada itu, dan tanpa bukti tersebut, Syarikat Insurans tidak bertanggungjawab untuk membuat sebarang pembayaran berhubung dengan kerugian yang sedemikian.

(g) Kerugian atau kerosakan yang secara langsung atau tidak langsung disebabkan oleh atau disumbangkan oleh atau hasil daripada:

- Radiasi ion atau pencemaran oleh radioaktiviti daripada sebarang bahan api nuklear atau sebarang bahan buangan nuklear daripada pembakaran bahan api nuklear. Untuk tujuan pengecualian ini, pembakaran hendaklah termasuk sebarang proses pembelahan nuklear yang boleh berdiri sendiri.
- Bahan senjata nuklear.

(h) Kerugian atau kerosakan akibat kecurian daripada kenderaan yang terbiar kecuali jika semua tingkap ditutup kemas dan semua pintu dan but kenderaan dikunci.

(i) Kerugian atau kerosakan yang dilindungi oleh Jaminan yang diberikan berhubung dengan harta atau barangan yang dibeli.

(j) Kerugian atau kerosakan yang diinsuranskan di bawah polisi yang lebih khusus.

## HARTA YANG DIKECUALIKAN

Polisi ini tidak meliputi sebarang kerugian atau kerosakan terhadap:

- Harta Diinsuranskan yang ditinggalkan di dalam kenderaan yang terbiar kecuali semua tingkap ditutup kemas dan semua pintu, but dan bukaan selamat dikunci.
- Sebarang harta yang terbiar di tempat awam dan selepas daripada itu tidak ditemui kembali.
- Harta di bawah jaminan atau waranti.
- Barang kemas dan jam tangan dalam bagasi kecuali yang dibawa dengan tangan dan berada di bawah jagaan Ahli Kad sendiri.
- Kanta lekap dan cermin mata; termasuk cermin mata hitam.
- Gigi palsu dan alat bantuan perubatan lain termasuk tetapi tidak terhad kepada alat bantu dengar, anggota palsu, topang di bawah lengan, kerusi roda, alat bantu jalan dan pendakap gigi.
- Bahan makanan dan barangan mudah rosak.
- Kenderaan bermotor, motosikal atau enjinnya, peralatan dan alat tambahan (termasuk alat komunikasi yang digunakan hanya untuk dalam kenderaan), basikal, jentera marin, pesawat, pesawat model dan bot.

(i) Harta perniagaan atau harta yang dibeli untuk digunakan bagi tujuan perniagaan.

(j) Telefon bimbit, komputer riba dan kamera kecuali akibat rompakan bersenjata, ragut atau pecah masuk bangunan.

(k) Wang tunai di bank atau mata wang asing, cek, cek kembara, kiriman wang, wang pos, setem pos, sekuriti, sebarang jenis surat cara boleh niaga, jongkong, syiling yang jarang ditemui dan amat berharga, sebarang jenis dokumen atau tiket, batu permata yang tidak diikat.

(l) Ternakan, haiwan peliharaan, haiwan, tumbuh-tumbuhan atau hidupan yang lain.

(m) Harta yang diharamkan atau yang mana sewajarnya dirampas atau dihalang kemasukannya ke negara ini oleh Pihak Berkuasa yang berkenaan.

(n) Harta yang dijual atau diberikan kepada orang lain.

(o) Kehilangan penggunaan atau sebarang kerugian penting.

(p) Sebarang jenis kesan calar atau kemek.

## TUNTUTAN

**Anda boleh mendapatkan salinan Borang Tuntutan untuk Perlindungan Pembelian daripada MSIG dengan menghubungi talian 03-2698 2888. Semua pembelian hendaklah dicajkan kepada Kad Kredit Standard Chartered anda bagi melayakkan anda untuk membuat tuntutan.**

1. Sekiranya berlaku sebarang kerugian atau kerosakan yang boleh membangkitkan atau kemungkinan besar akan membangkitkan tuntutan di bawah Polisi ini, Orang yang Diinsuranskan hendaklah, sebaik sahaja sedar mengenai kerugian atau kerosakan tersebut, memberitahu dengan segera kepada pihak-pihak yang berikut:

a) Polis dan mengambil semua langkah yang praktikal untuk menemukan dan menjejaki serta mendapatkan semula Harta yang Diinsuranskan yang hilang atau rosak itu, sekiranya kehilangan atau kerosakan tersebut adalah akibat kecurian atau sebarang percubaan seumpamanya selepas itu.

b) MSIG dalam tempoh 14 hari dan selepas itu, menghantar kepada MSIG tuntutan secara bertulis dengan memberikan segala butiran, maklumat dan bukti yang wajar dikehendaki oleh MSIG.

c) Dengan syarat semua maklumat dan bukti yang diperlukan oleh Syarikat atau agennya hendaklah disediakan dengan ditanggung oleh Orang yang Diinsuranskan atau wakil peribadinya.

2. Bayaran tuntutan akan dibuat oleh Syarikat Insurans hanya selepas bukti yang mencukupi mengenai kerugian tersebut bagi menyokong tuntutan telah diterima dan apabila jumlah manfaat telah dipastikan dan dipersetujui.

3. Bayaran sebarang tuntutan yang dilindungi di bawah Polisi ini hendaklah dibuat dalam Ringgit Malaysia.

Untuk mengelakkan keraguan, Standard Chartered Bank Malaysia Berhad tidak akan bertanggungjawab dan / atau dipertanggungjawabkan untuk sebarang kegagalan pembayaran dan / atau penolakan tuntutan Ahli Kad oleh MSIG disebabkan oleh apa jua sebab sekalipun. Standard Chartered Bank Malaysia Berhad tidak bertanggungjawab untuk membayar ganti rugi kepada Ahli Kad untuk apa jua sebab sekalipun.

## PERLINDUNGAN INSURANS TAMBAHAN YANG MUNGKIN INGIN ANDA PERTIMBANGKAN

- PELAN PERLINDUNGAN KREDIT
- PELAN PROTECTPLUS

Untuk perlindungan insurans yang lebih menyeluruh, anda mungkin ingin menimbang untuk mengambil Pelan Perlindungan Kredit dan / atau Insurans ProtectPlus kami demi ketenangan fikiran anda.

### PENJELASAN MENGENAI PELAN PERLINDUNGAN KREDIT

Adalah penting untuk merancang masa depan. Mohonlah Pelan Perlindungan Kredit kami yang akan menyelesaikan bil kad kredit anda sekiranya anda tidak boleh berbuat demikian kerana sesuatu perkara yang tidak dijangka. Anda akan menikmati perlindungan sehingga RM50,000 dengan bayaran serendah RM0.31 setiap RM100.

### SKOP PERLINDUNGAN

- (a) **Manfaat Kematian Akibat Kemalangan (sehingga usia 60 tahun)**  
Dibayar jika berlaku kematian dalam tempoh 180 hari selepas kecederaan diri. Manfaat mesti dibayar adalah jumlah bulanan yang tertunggak dalam Akaun Kad termasuk caj dan faedah yang dikenakan dan mesti dibayar pada tarikh kejadian berlaku; sehingga Jumlah Modal yang Diinsuranskan.
- (b) **Manfaat Hilang Upaya Menyeluruh Sementara (sehingga usia 60 tahun)**  
Untuk setiap bulan hilang upaya, kecuali 30 hari yang pertama, 15% daripada jumlah yang tertunggak dalam Akaun termasuk caj, faedah yang dikenakan dan mesti dibayar pada tarikh kejadian; dihadkan kepada tempoh maksimum selama 6 bulan atau Jumlah Modal yang Diinsuranskan, yang mana satu lebih dahulu.
- (c) **Manfaat Hilang Upaya Menyeluruh Kekal (sehingga usia 60 tahun)**  
Membayar baki jumlah tertunggak dalam Akaun Kad termasuk caj, faedah yang dikenakan dan mesti dibayar pada tarikh kejadian; selepas selama 6 bulan menerima pembayaran Manfaat Hilang Upaya Menyeluruh Sementara dan selepas dipastikan keadaan Hilang Upaya Menyeluruh Kekal, sehingga Jumlah Modal yang Diinsuranskan.
- (d) **Manfaat Diberhentikan Kerja Secara Tiba-tiba (sehingga usia 55 tahun)**  
Untuk setiap bulan pemberhentian kerja secara tiba-tiba, kecuali 30 hari pertama, 15% daripada jumlah yang tertunggak dalam Akaun Kad termasuk caj, faedah yang dikenakan dan mesti dibayar pada tarikh kejadian; dihadkan kepada tempoh maksimum 6 bulan atau Jumlah Modal yang Diinsuranskan, yang mana satu lebih dahulu.

#### Contoh

Baki Tertunggak untuk bulan itu	- RM5,000
Premium untuk bulan itu	- RM5,000 x 0.31/100 = <b>RM15.50</b>

Sekiranya berlaku Kematian akibat Kemalangan, RM5,000 akan dibayar oleh MSIG kepada pihak Bank.

## PENJELASAN MENGENAI INSURANS PERLINDUNGAN PROTECTPLUS

Anda wajar mendapatkan lebih daripada perlindungan asas. Mohonlah ProtectPlus dan dapatkan perlindungan yang lebih lagi untuk anda dengan hanya RM1.54 sehari.

### Perlindungan 100%, 24 jam sehari di seluruh dunia

Serendah RM1.54 sehari dan anda akan menikmati perlindungan peribadi sehingga RM350,000 untuk Kematian akibat Kemalangan dan Hilang Upaya Kekal termasuk perlindungan sehingga RM50,000 ke atas baki tertunggak pada kad kredit anda.

Pakej	Kematian akibat Kemalangan	Hilang Upaya Kekal	Perlindungan Kad	Premium Bulanan	
				1. Pemegang Polisi	2. Pasangan Pemegang Polisi
SY1 / SS1	RM100,000	RM100,000	RM50,000	RM15.00	RM13.50
SY2 / SS2	RM150,000	RM150,000	RM50,000	RM22.50	RM20.25
SY3 / SS3	RM200,000	RM200,000	RM50,000	RM32.00	RM28.80
SY4 / SS4	RM250,000	RM250,000	RM50,000	RM39.00	RM35.10
SY5 / SS5	RM300,000	RM300,000	RM50,000	RM41.00	RM36.90
SY6 / SS6	RM350,000	RM350,000	RM50,000	RM47.00	RM42.30

### Premium Bayaran Balik Istimewa

Jika sekiranya tiada sebarang tuntutan dibuat sepanjang tahun dalam tempoh insurans, anda dijamin akan menerima untuk setiap tahun; bayaran balik sebanyak 25% daripada premium tahunan yang telah anda bayar kepada MSIG selepas ulang tahun polisi tahun kedua. Pada dasarnya ia bermakna pada tahun ketiga, anda hanya membayar 50% sahaja daripada premium tahunan.

### 10% diskaun apabila anda dan pasangan anda mendaftarkan diri

Anda akan menikmati diskaun 10% ke atas premium untuk polisi pasangan anda jika anda mendaftar bersama-sama.



Mitsui Sumitomo Insurance (Malaysia) Bhd (46983-W)  
(Gabungan Aviva Insurance Berhad dan Mitsui Sumitomo Insurance (Malaysia) Bhd)  
Tingkat 17, Faber Imperial Court (Sheraton Imperial Hotel)  
21A Jalan Sultan Ismail  
50250 Kuala Lumpur

Untuk sebarang bantuan, sila hubungi  
03-2698 0888, 03-2698 2888  
Isnin - Khamis (8:30 pagi - 5:30 petang)  
Jumaat (8:30 pagi - 4:30 petang)  
Emel: myMSIG@my.msig-asia.com  
Laman web: www.msig.com.my

Nota: Sijil Insurans ini dikeluarkan sebagai maklumat untuk Ahli Kad dan bukan merupakan kontrak insurans. Ia tertakluk kepada terma dan syarat Polisi Induk yang mana salinannya boleh dimohon daripada MSIG. Sebarang pertukaran sokongan dan pindaan terhadap Polisi Induk yang berkenaan seperti yang dipersetujui di antara Syarikat Insurans dan SCBMB adalah dianggap mengikat tanpa sebarang notis kepada Orang yang Diinsuranskan.